

Media Title : Kosmo  
Headline : AmBank sumbang RM350,000 kepada MAB  
Date : 30 October 2024  
Section : Negara!  
Page : 37



## AmBank sumbang RM350,000 kepada MAB



KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank, Jamie Ling (dua dari kanan) pada majlis penyerahan sumbangan kepada MAB di Kuala Lumpur semalam.

**PETALING JAYA** – AmBank menyumbang RM350,000 kepada Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) untuk membiayai Pusat Latihan Gurney (GTC) MAB dalam memainkan peranan aktif memperkasakan orang cacat penglihatan.

Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Md. Nor Md. Yusof berkata, pihaknya berbangga dapat bekerjasama dengan MAB untuk menyokong inisiatif yang membantu insan cacat penglihatan menjalani kehidupan yang memuaskan.

Menurut beliau, perkongsian itu adalah petanda baik dan ia juga seiring dengan seruan kerajaan untuk meningkatkan sokongan kepada Orang Kurang Upaya (OKU).

“Bantuan ini juga akan dapat menyediakan sumber dan meningkatkan penghayatan kemasyarakatan, membolehkan individu kurang upaya hidup

berdikari, mendapatkan pekerjaan dan menyumbang secara bermakna kepada pembinaan negara,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

MAB Gurney Training Centre adalah satu-satunya pusat latihan bertauliah di Malaysia yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Sumber Manusia.

Ita menawarkan program kemahiran yang direka khusus untuk individu cacat penglihatan.

Pusat ini menampung lebih daripada 70 pelatih yang berumur 18 tahun dan keatas dengan program yang disesuaikan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran penting untuk pelbagai bidang termasuk pengurusan pejabat, sistem operasi komputer, rawatan pemulihan kesihatan dan penyembuhan, pengeluaran audio, pusat panggilan dan tenaga pengajar.